

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD.  
MANAP [ SEKIJANG ]**

**NO. SOALAN : 44**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan perkembangan terkini  
rancangan Pengupayaan Komuniti dan Infodesa dan  
nyatakan kejayaan yang telah dicapai melalui  
program ini sejak ia diperkenalkan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang-Dipertua,

Dalam usaha memperluaskan program-program pembelajaran sepanjang hayat, Kementerian ini telah mewujudkan Pusat Pembelajaran Bergerak (*Mobile Learning Center*) untuk memberi kemudahan kepada masyarakat desa termasuk JKKK dan JKKKP mengikuti pelbagai kursus bagi memperkukuhkan keupayaan selaku *frontliner* di peringkat akar umbi. Pusat Pembelajaran Bergerak ini juga berfungsi sebagai medium penyebaran maklumat yang lebih tepat mengenai program dan dasar Kerajaan khususnya berkaitan pembangunan luar bandar. Kaedah ini dapat membuka ruang yang lebih luas untuk rakyat luar bandar mendapat akses kepada pembelajaran dan latihan bukan formal.

Kementerian ini juga telah memberi nafas baru kepada pertandingan kampung-kampung di luar bandar yang kini dikenali sebagai Anugerah Desa Perdana. Pertandingan ini dijangka akan

mewujudkan persekitaran yang kondusif dan persaingan yang sihat di kalangan JKJK/JKJKP untuk merealisasikan wawasan kampung yang maju, makmur dan sejahtera.

Kementerian ini juga telah membangunkan aplikasi iDesa. iDesa merupakan aplikasi peranti pintar yang dibangunkan dengan matlamat untuk mempromosikan maklumat asas kampung di seluruh negara seperti lokasi kampung, nama pengerusi JKJK/ketua kampung, kemudahan asas dan pencapaian kampung berkenaan. Menerusi aplikasi ini, masyarakat sekitar akan dapat mengambil manfaat dari maklumat-maklumat berkaitan kampung tersebut seperti kemudahan *homestay*, hasil produk kampung dan sebagainya. Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui Google Play Store dan Apple Store.

Selain daripada itu, Kementerian sedang giat menyelaraskan maklumat profil kampung yang lengkap dan komprehensif melalui Sistem Profil Kampung

Peringkat Nasional (SPKPN) agar boleh digunakan oleh semua agensi Kerajaan dalam perancangan dan pembangunan kawasan luar bandar serta dalam mengukur indeks kualiti sesebuah kampung.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP**  
**SOALAN : NO. 45**

**Tuan Anuar Bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang diambil pihak Kementerian bagi membanteras sindiket yang menjual kelulusan akademik palsu terutamanya secara atas talian yang dilihat semakin menjadi-jadi kebelakangan ini.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa menitikberatkan pematuhan kepada kod etika dalam menjalankan perkhidmatan supaya tidak bercanggah dengan nilai-nilai integriti dan urus tadbir baik yang menjadi elemen teras pengoperasian sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi.

Di dalam usaha mengekang penyalahgunaan status pemegang ijazah doktor falsafah ini, KPT telah mengambil langkah berikut:

- (a) Sedang membangunkan satu pangkalan data yang mengandungi senarai nama semua Pemegang PHD yang sah daripada universiti awam dalam negara. Ini membolehkan orang awam menyemak dan mengesahkan status ijazah doktor falsafah seseorang.

- (b) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sekiranya melibatkan penyalahgunaan ijazah palsu melalui internet bagi menyekat mana-mana laman web yang disyaki;
- (c) Bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya kes penyalahgunaan status boleh menyebabkan kerugian ke atas mana-mana pihak; dan
- (d) Memberi kesedaran kepada masyarakat agar sentiasa berhati-hati dengan menyemak status sijil individu melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sekiranya melibatkan institusi di Malaysia dan sekiranya institusi luar negara, ianya boleh disemak melalui pihak berkuasa universiti-universiti negara berkenaan.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI  
DARIPADA KAMARUDDIN [ AMPANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah ada data jumlah keseluruhan mengikut negeri dan jantina bagi pelajar-pelajar yang memasuki sekolah rendah dan sekolah menengah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah murid sekolah rendah mengikut negeri dan jantina sehingga 30 Januari 2017 adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>Jumlah</b>
Johor	168,231	158,402	326,633
Kedah	96,885	92,832	189,717
Kelantan	87,723	83,736	171,459
Melaka	41,585	39,529	811,14
Negeri Sembilan	52,066	49,559	101,625
Pahang	74,135	70,477	144,612
Perak	102,806	98,115	200,921
Perlis	11,861	11,145	23,006
Pulau Pinang	66,878	63,364	130,242
Sabah	139,802	132,040	271,842

Negeri	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Sarawak	126,347	118,178	244,525
Selangor	263,206	249,912	513,118
Terengganu	63,590	61,054	124,644
WP Kuala Lumpur	64,526	62,363	126,889
WP Labuan	45,24	4,312	8,836
WP Putrajaya	7,755	7,389	15,144
<b>Jumlah</b>	<b>1,371,920</b>	<b>1,302,407</b>	<b>2,674,327</b>

Jumlah murid sekolah menengah mengikut negeri dan jantina sehingga 30 Januari 2017 adalah seperti berikut:

Negeri	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Johor	129,259	130,023	259,282
Kedah	76,445	81,081	157,526
Kelantan	62,738	65,037	127,775
Melaka	33,602	33,741	67,343
Negeri Sembilan	43,561	43,431	86,992
Pahang	53,644	53,251	106,895
Perak	89,617	90,399	180,016
Perlis	10,291	10,308	20,599
Pulau Pinang	54,544	55,098	109,642
Sabah	100,763	102,111	202,874
Sarawak	98,269	99,565	197,834
Selangor	185,684	189,387	375,071
Terengganu	50,038	51,546	101,584
WP Kuala Lumpur	46,349	45,655	92,004
WP Labuan	3,216	3,053	6,269
WP Putrajaya	4,359	3,538	7,897
<b>Jumlah</b>	<b>1,042,379</b>	<b>1,057,224</b>	<b>2,099,603</b>



## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN**

**SOALAN : NO. 47**

**Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah peruntukan biasiswa yang telah disediakan bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke bidang ijazah kedoktoran.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menawarkan sebanyak 18 program penajaan biasiswa/ bantuan kewangan untuk warga negara Malaysia dan pelajar antarabangsa.

Peruntukan sebanyak RM495.923 juta disediakan pada tahun 2017 untuk program penajaan biasiswa/ bantuan kewangan KPT. Peruntukan yang disediakan ini merangkumi penajaan pengajian dari peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran.